



SIARAN MEDIA

KAMPUNG ANGKAT MADANI DOF TUMPU KEMAHIRAN DAN EKONOMI KOMUNITI DESA KEDA SUNGAI UDANG

YAN, 21 Ogos 2026 – Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain hari ini menyempurnakan Program Prapelancaran Kampung Angkat MADANI (KAM) Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) di Desa Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Sungai Udang, Yan, Kedah yang melibatkan 11 projek dan program dengan peruntukan sebanyak RM500,000 di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi manfaat 1,686 penduduk daripada 205 keluarga.

Program KAM tersebut memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran, aktiviti ekonomi berasaskan perikanan, penglibatan komuniti serta penambahbaikan kemudahan awam berdasarkan keperluan penduduk setempat.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata, pelaksanaan Kampung Angkat MADANI memberi peluang kepada DOF untuk mendekati komuniti dan memahami keperluan mereka secara langsung, selain menggunakan kepakaran jabatan dalam program yang memberi manfaat kepada penduduk.

"Kita mahu pelaksanaan Kampung Angkat MADANI ini memberi kesan yang boleh dilihat dan dirasai oleh komuniti, bukan hanya melalui penyediaan kemudahan, tetapi juga peningkatan kemahiran dan peluang ekonomi. Sebab itu, program yang dilaksanakan turut memberi tumpuan kepada pemprosesan hasil perikanan, kemahiran teknikal dan penglibatan masyarakat," katanya.

Sebagai sebahagian daripada pengisian program, peserta turut dibawa meninjau beberapa aktiviti dan kemudahan sekitar Desa KEDA Sungai Udang, termasuk penghasilan ikan kering, produk makanan komuniti, jeti pelancongan dan pangkalan pendaratan ikan.

Program pembangunan kemahiran turut melibatkan Demonstrasi Membaiki Enjin Sangkut yang disertai 30 peserta daripada komuniti nelayan. Demonstrasi tersebut memberi pendedahan mengenai asas penyelenggaraan dan pembaikan enjin sangkut bagi membantu nelayan melaksanakan penyelenggaraan asas dengan lebih baik.

Selain itu, Kursus Pembuatan Keropok Lekor yang melibatkan 50 peserta daripada kumpulan wanita Desa KEDA Sungai Udang memberi pendedahan mengenai pemprosesan hasil perikanan dan penghasilan produk makanan bernilai tambah yang boleh dikembangkan sebagai aktiviti ekonomi komuniti.

Pengisian berkaitan hasil perikanan turut merangkumi demonstrasi penyediaan produk makanan seperti sata dan otak-otak. Aktiviti kemasyarakatan pula dilaksanakan menerusi permainan tradisional, sukan serta Program Kesedaran Awam Komuniti MADANI.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Dalam majlis prapelancaran tersebut, penyerahan bantuan turut dilaksanakan melibatkan Touch Point kepada 20 penerima serta bantuan KAM bagi kemudahan Masjid KEDA Sungai Udang, Perpustakaan Desa, Tabika KEMAS dan myKomuniti Perikanan (myKP).

Pelaksanaan KAM turut merangkumi penambahbaikan kemudahan awam seperti Masjid KEDA Sungai Udang, Perpustakaan Desa, Tabika KEMAS, kawasan perkuburan dan gelanggang futsal, termasuk penyediaan kemudahan solar dome di kawasan perkuburan. Aktiviti gotong-royong turut dilaksanakan dengan penglibatan komuniti bagi membersihkan kawasan masjid, perpustakaan dan Tabika KEMAS.

Keseluruhan projek fizikal Kampung Angkat MADANI Desa KEDA Sungai Udang dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2026 sebelum diserahkan kepada komuniti untuk dimanfaatkan dan diselenggara secara berterusan.

Menurut Dato' Haji Adnan, kejayaan pelaksanaan program tidak hanya bergantung kepada penyempurnaan projek, sebaliknya turut bergantung kepada penglibatan komuniti dalam memastikan kemudahan dan peluang yang disediakan dapat dimanfaatkan dalam jangka panjang.

“Apabila projek ini siap dan diserahkan kepada komuniti, tanggungjawab untuk memastikan kemudahan tersebut terus dimanfaatkan perlu dipikul bersama. Kita mahu penduduk melihat kemudahan dan kemahiran yang diperolehi ini sebagai aset untuk meningkatkan kesejahteraan serta membuka ruang kepada aktiviti ekonomi yang boleh diteruskan,” katanya.

- TAMAT -

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1wFRxLI9GB3eNNOdloxY7a3aWuDismCQV>

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my